

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
4 OGOS 2017

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Syarat Kelayakan bagi mendapatkan kemudahan perumahan bagi warga perkhidmatan awam yang dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut kecuali
 - a. Pegawai lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam perkhidmatan Tetap atau Kontrak Luar Negeri
 - b. Pegawai lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam perkhidmatan Tetap atau Kontrak
 - c. Pegawai wanita dalam Bahagian I dan II dalam perkhidmatan Tetap
 - d. Pegawai wanita dalam Bahagian III dan IV yang berstatus janda atau balu dan mempunyai tanggungan anak

2. Bilakah Sistem Penilaian Prestasi Baru berkuatkuasa ?
 - a. 30 September 2016
 - b. 30 September 2017
 - c. 1 Oktober 2017
 - d. 1 Oktober 2016

3. Nyatakan peratus Kaedah Bell Curve yang digunapakai dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru.
 - a. A (15%), B (35%), C (35%), D & E (15%)
 - b. A (5%), B (10%), C (70%), D (10 %) E (5%)
 - c. A (15%), B (25%), C (45%), D & E (15%)
 - d. A (5%), B (25%), C (55%), D & E (15%)

4. Penguasa Tatatertib bagi kakitangan Bahagian III adalah :
 - a. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - b. Setiausaha Tetap
 - c. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

5. Siapakah diberikan kuasa untuk membenarkan memangku jawatan Ketua Jabatan.
 - a. Menteri di Kementerian masing-masing
 - b. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - c. Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing
 - d. Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing

6. Nyatakan kadar baksis yang diberikan kepada semua peringkat pegawai kontrak tempatan.
 - a. Tidak diberikan baksis
 - b. 10% daripada gaji pokok terakhir
 - c. 15% daripada gaji pokok terakhir
 - d. 25% daripada gaji pokok terakhir

7. Apakah tindakan jika Pegawai/Kakitangan yang dijemput gagal menghadiri majlis-majlis rasmi negara tiga (3) kali atau lebih ?
 - a. Teguran dan peringatan secara lisan
 - b. Teguran dan peringatan keras secara bertulis atau dicatat dalam rekod perkhidmatan
 - c. Tahap prestasi diturunkan setingkat
 - d. Tidak akan dijemput lagi ke majlis-majlis rasmi negara

8. Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
 - a. Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
 - b. Diturunkan pangkat dan gaji dan dipindah jabatan
 - c. Digantung dariapda menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%
 - d. Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbicaraan tatatertib

9. Lantikan memangku hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai tempatan dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan dan berkontrak sahaja yang telah berkhidmat dalam jawatannya :
 - a. Tidak kurang daripada 3 bulan
 - b. Tidak kurang dari 6 bulan
 - c. Tidak kurang dari 12 bulan
 - d. Tidak kurang daripada 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya

10. Apakah definasi Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2003?
 - a. Penilaian yang dipantau oleh Pengarah Pentadbiran, diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk dan menilai sistem kawalan dalaman
 - b. Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai pengurusan kewangan
 - c. Penilaian bebas yang diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai system kawalan dalaman
 - d. Penilaian bebas yang diwujudkan untuk menilai prestasi Kementerian/Jabatan

11. Seorang Pegawai dalam Bahagian III yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 Mei 2017. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
 - a. 1 Jun 2018
 - b. 3 Mei 2018
 - c. 2 Mei 2018
 - d. 31 Mei 2018

12. Pekerja Bergaji Hari boleh dicadangkan untuk dilantik kedalam Perkhidmatan apa setelah berkhidmat sekurangnya 5 tahun ?
 - a. Tetap
 - b. Bulan Kesebulan
 - c. Open Vote
 - d. Kontrak Tempatan

13. Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan RSLT dalam Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)?
 - a. Rancang; Laksana; Semak; Tempoh
 - b. Rancang; Laksana; Semak; Tindakan
 - c. Rebiu; Lancar; Semak; Tindakan
 - d. Rebiu; Lancar; Sesuaikan; Tempoh

14. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada pegawai bergaji hari bagi yang berkelulusan Ijazah Phd?
- \$140.50
 - \$140
 - \$127.70
 - \$111.30
15. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut didalam negeri yang berumur:
- 5 tahun sehingga 25 tahun
 - 12 tahun sehingga 25 tahun
 - 5 tahun sehingga 28 tahun
 - 3 tahun sehingga 25 tahun
16. Surat Keliling hanya boleh dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan berikut:
- Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama
 - Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan
 - Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
17. Pegawai yang membuat permohonan menamatkan perkhidmatan terus sahaja berhenti atau meninggalkan pekerjaan tanpa mendapatkan kebenaran menamatkan perkhidmatan akan dikenakan tindakan tatatertib yang memungkinkan pegawai berkenaannya
- Diberikan amaran keras
 - Disenarai hitam
 - Membayar balik gaji sebulan
 - Dibuang kerja
18. Sesuatu jawatan kosong untuk di "trade-off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan iaitu :
- Jabatan Perdana Menteri
 - Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perbendaharaan
 - Kementerian Kewangan
19. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai/kakitangan wanita jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan lebih daripada 24 minggu ?
- 108 hari
 - 105 hari
 - 56 hari
 - 28 hari

20. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggagal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman
- Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
 - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
 - Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
21. Pusingan atau Proses Pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa TPOR; Penggubalan TPOR; Promosi; Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan. Pusingan yang seterusnya adalah :
- Penilaian dan Penambahbaikan; Pemantauan
 - Pemantauan; Rebiu dan Penilaian dan Penambahbaikan
 - Pemantauan; Penilaian dan Penambahbaikan
 - Perancangan; Implementasi dan Rebiu
22. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa. Siapakah pegawai/kakitangan yang tidak berkelayakan diberikan Cuti Lebih Masa?
- Bahagian I,II dan III
 - Bahagian I dan II
 - Bahagian II dan III
 - Bahagian II, IV, V
23. APCPA merupakan penghargaan dan anugerah yang disampaikan semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kepada Warga Perkhidmatan Awam
- Sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan yang telah memberikan sumbangan cemerlang untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti organisasi masing-masing
 - Yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan.
 - Yang mengenal pasti, memilih dan menganalisis masalah yang berkaitan tugas mereka dan mengemukakan cadangan penambahbaikan atau penyelesaian kepada pihak pengurusan
 - Yang bersifat pemedulian dengan mengambil kira kepuasan hati pelanggan dan orang ramai serta sentiasa peka, prihatin dan bertanggungjawab.
24. Berapakah kelayakan cuti tahunan bagi kakitangan Bahagian IV dalam perkhidmatan tetap yang berumur 40 tahun dan keatas ?
- 30 hari
 - 24 hari
 - 27 hari
 - 22 hari

25. Seorang pegawai telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan elaun dari rumah ke pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
- \$52
 - \$55
 - \$58
 - \$85
26. Tiga fokus utama Tekad Pemedulian Orang Ramai adalah :
- Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
 - Orang ramai, proses dan organisasi
 - Orang ramai, piawai dan sikap/etika
 - Orang ramai, prosedur dan organisasi
27. Seorang pegawai lelaki, didalam Perkhidmatan Tetap dan didalam tanggagaji B.3 yang menerima gaji pokok sebanyak \$4,000 memohon untuk mendapatkan Elaun Cuti. Berapakah kadar Elaun Cuti bagi isterinya dan anaknya yang berumur 2 tahun?
- \$1750.00 : \$2,500.00 : \$850.00
 - \$2,500.00 : \$2,500.00 : \$250.00
 - \$1750.00 : \$1,750.00 : \$850.00
 - \$2,500.00 : \$1,250.00 : \$625.00
28. Sebarang perubahan gelaran jawatan yang terdapat pemegangnya yang mana gelaran jawatan berkenaan sudah wujud dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa berkenaan?
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri
 - Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan
 - Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perbendaharaan
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan
29. Pegawai yang dikurniakan tambang menunaikan fardhu haji boleh memulakan cuti seperti berikut:
- Dua (2) hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua (2) hari sesudah sampai ke negara ini
 - Pada hari bertolak ke Arab Saudi dan dua (2) hari sesudah sampai ke negara ini
 - Satu (1) hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua (2) hari sesudah sampai ke negara ini
 - Satu (1) hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan satu (1) hari sesudah sampai ke negara ini
30. Tatacara persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang diluar Kementeriannya adalah ?
- Memorandum
 - Bersurat (Letterhead)
 - Minit
 - Bersurat dan Memorandum

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Moderation/Calibration dalam Sistem Penilaian Prestasi Baru?
2. Tatacara mengisytiharkan hadiah.
3. Kadar elaun memangku perenggan 4.2 dari Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil 4/2008.
4. Definisi Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).
5. Nyatakan dua (2) pembaharuan yang diperkenalkan dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam.
6. Keadaan Yang Membolehkan Wang Simpanan yang dikumpul dalam skim TAP dikeluarkan.
7. Kaedah iklan 7(a).
8. Cuti Khas Menemani Suami/Isteri Bertugas di Luar Negeri.
9. Definasi MPK.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

SOALAN 1 - TATATERTIB

1. Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan apabila menerima laporan dari agensi kerajaan tentang penglibatan pegawai/kakitangan dalam kes jenayah.
(8 markah)
2. Apakah perkara-perkara yang Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan perlu berikan perhatian kepada pegawai/kakitangan berkenaan ketika digantung kerja?
(4 markah)
3. Nyatakan tindakan tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam tertakluk kesalahan yang dilakukan.
(4 markah)
4. Nyatakan apa yang akan terjadi kepada mereka yang berkenaan yang gagal untuk bertindak menurut tatacara surat keliling JPM bil 19/1998?
(1 ½ markah)

SOALAN 2 – Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)

1. Nyatakan tarikh SCP dikuatkuasakan, diwajibkan kepada sektor mana dan siapakah yang layak?
(3 markah)

2. Nyatakan Kadar Caruman dan berapakah pecahan yang dimasukkan ke akaun ahli serta 'Survivorship Benefit'.
(2 Markah)

3. Sila huraikan Jumlah Caruman Minimum dan bagaimana tatacara menangani jika 3.5% daripada gaji bulanan ahli adalah kurang daripada B\$17.50.
(3 ½ Markah)

4. Bagaimana pula SCP bagi yang bekerja sendiri?
(1 markah)

5. Nyatakankan Jumlah Maksima Caruman.
(2 Markah)

6. Huraikan Manfaat Skim SCP bagi ahli dan Manfaat Keberterusan bagi tanggungan ahli (Survivorship Benefit)?
(6 markah)

SOALAN 3 – CUTI SAKIT DISAHKAN SENDIRI (CSDS)

1. Definasi Cuti Sakit Disahkan Sendiri dan syarat kelayakan. **(2 ½ Markah)**

2. Sila nyatakan Syarat Am CSDS. **(3 Markah)**

3. Sila nyatakan Peraturan-Peraturan bagi CSDS. **(6 Markah)**

4. Huraikan Tatacara Permohonan CSDS. **(6 Markah)**